

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10 JUNE 2017

'Malaysia berdepan risiko baharu'

BH - 10/6/2017
Pg. 2

➔ Krisis geopolitik Negara Teluk beri kesan KDNK suku pertama 2017

Oleh Luqman Arif Abdul Karim dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Malaysia berdepan beberapa cabaran baharu, termasuk risiko geopolitik yang semakin meruncing membabitkan negara Teluk, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, di sebalik perkembangan positif Kadar Keluaran Negara Kasar (KDNK) yang merekodkan pertumbuhan 5.6 peratus pada suku pertama 2017, Malaysia tidak terkecuali daripada tempias krisis dunia.

"Selain ancaman keganasan dan ekstremisme, kita turut berdepan risiko baharu yang lebih serius seperti krisis geopolitik antara Negara Teluk, program ujian peluru berpandu Korea Utara, keputusan tidak berparlimen di United Kingdom (UK) dan Brexit," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Menara Dato' Onn di sini, semalam.

Yang turut hadir, Naib Presiden

yang menjalankan tugas Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Hussein dan Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Isnin lalu, empat Negara Teluk serentak memutuskan hubungan diplomatik dengan Qatar dan menuduh negara itu melindungi penganas serta campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara mereka.

Media Bahrain melaporkan, negara sekutu Arab Saudi itu memutuskan perhubungan udara dan laut dengan Qatar, manakala warga negaranya yang berada di negara berkenaan diusir dan diberi tempoh hingga 14 hari untuk berbuat demikian.

Putus semua perhubungan

Arab Saudi turut mengumumkan tindakan sama dengan mengatakan langkah itu perlu untuk melindungi negara itu daripada apa yang disifatkan sebagai keganasan dan tindakan pelampau. Arab Saudi memutuskan semua perhubungan darat dan laut dengan Qatar dan menggesa negara lain mengambil tindakan sama.

Sejurus selepas Arab Saudi, Me-



Najib menyampaikan sumbangan Adilfitri kepada anak yatim yang turut disertai Ahmad Zahid, Tengku Adnan dan Setiausaha Kerja UMNO, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh pada Majlis Berbuka Puasa Bersama Presiden UMNO di Dewan Merdeka, PWTC, semalam.

sir mengumumkan memutuskan hubungan dengan Qatar dan menuduh negara itu melindungi organisasi penganas, termasuk Ikhwanul Muslimin.

Sementara itu, Najib yang Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, calon BN bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Pujut akan dinamakan dalam tempoh terdekat.

Katanya, calon akan diputuskan selepas berbincang dengan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Amar Abang Johari Openg.

Bantu PRK DUN Pujut

"Persiapan PRK DUN Pujut berada di tangan BN Sarawak dan kita akan membantu mana yang diperlukan. BN akan menentukan calon PRK Pujut sedikit masa lagi. Saya akan berunding dengan Ketua Menteri Sarawak untuk menentukan calon BN paling sesuai," katanya.

Dalam pada itu, Najib menghadiri majlis berbuka puasa anjuran UMNO bersama kira-kira 1,200 pemimpin dan ahli di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Majlis itu dihadiri kepimpinan tertinggi UMNO, ahli dan veteran UMNO, pimpinan parti kom-



Kita turut berdepan risiko baharu lebih serius seperti krisis geopolitik antara negara Teluk, program ujian peluru berpandu Korea Utara, keputusan tidak berparlimen di UK dan Brexit"

Najib Razak,
Perdana Menteri

ponen Barisan Nasional (BN) dan ahli Majlis Bekas Wakil Rakyat (MUBARAK) serta golongan kurang bernasib baik.

Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor, turut menyampaikan duit raya kepada 100 anak yatim dari Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Sabak Bernam serta Rumah Anak-Anak Yatim Titian Kasih Kuala Lumpur.

Selepas berbuka puasa, Najib bersama tetamu bergerak ke Dewan Tun Razak 4 bagi menunaikan solat Maghrib dan diikuti solat Isyak dan Tarawih.

➔ Lagi berita di Ms.6 dan Ms.87

PM ulas isu FGV hari ini

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak akan mengulas mengenai kemelut Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV), hari ini.

Perdana Menteri akan memberi maklum balas mengenai isu yang membelenggu syarikat itu ketika melawat FELDA di Kulai, Johor. "Saya akan komen (isu FGV) ke-

tika melawat ke kawasan rancangan FELDA di Johor, esok (hari ini)," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Menara Dato' Onn di sini, semalam.

➔ Lagi berita di Ms.14